

Misi USIM bantu pelarian Syria

Sesi pembelajaran santai bagi mengisi masa lapang kanak-kanak.



Jordan: Global Islamic Student Outreach (GISO) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bekerjasama dengan Muslim Care Malaysia bagi menjalankan Misi Bantuan Musim Sejuk di sini, baru-baru ini.

Program empat hari di bawah Misi Kemanusiaan: Jelajah Mahasiswa Di Bumi Jordan itu disertai lapan pelajar serta beberapa selebriti seperti pengarah terkenal, Afdlin Shauki dan Aziz M Osman; pendakwah bebas, Syed Abdul Kadir Aljoofre serta bekas anggota kumpulan nasyid UNIC, Ahmad Fadzli Abd Aziz.

Pengarah program, Muhammad Miqdam Mohd Rashid, berkata program julung kali membabitkan pelarian Syria itu menunjukkan komitmen pelajar dalam membantu dan mengangkat martabat mereka yang teraniaya serta dalam kesusahan.

Katanya, program itu juga bermatlamat memanifestasikan peranan pelajar sebagai agen perubahan yang mampu bersuara dan mengambil tindakan demi kebaikan sejagat.

Agih sumbangan
"Jordan adalah negara



Peserta bergambar bersama-sama kanak-kanak Syria.

ketiga terbesar menerima kemasukan pelarian Syria yang menyelamatkan diri daripada menjadi mangsa perang tidak berkesudahan.

"Pelbagai aktiviti dijalankan termasuk pengagihan sumbangan dan keperluan harian kepada keluarga angkat pelarian Syria serta sesi membeli-belah pakaian musim sejuk bersama-sama kanak-kanak.

"Kami turut mengadakan lawatan dan pengagihan sumbangan di Kem Pelarian Dafina, Mafraq dan sesi pembelajaran santai bersama-sama kanak-kanak Syria," katanya.

Bagi Setiausaha program, Najihah Yaakob, program berkenaan membuka mata peserta untuk membantu mereka yang memerlukan dan sentiasa mensyukuri nikmat kurniaan Tuhan.

"Sebak menyaksikan kehidupan pelarian Syria di kem mereka yang hidup serba kekurangan, berlantaikan tanah lumpur, berbumbungkan khemah dan berdinginkan kanvas nipis.

"Tidak dapat kami bayangkan bagaimana mereka menghadapi musim sejuk kali ini yang dijangka terburuk dalam tempoh 100 tahun," katanya.



Peserta mengagihkan sumbangan musim sejuk dan keperluan harian kepada keluarga angkat pelarian Syria.